



**INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

---

**PANDUAN PENYEDIAAN KAJIAN IMPAK LATIHAN**

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>TUJUAN</b>	<b>3</b>
<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>3</b>
<b>OBJEKTIF PENYEDIAAN KAJIAN IMPAK LATIHAN</b>	<b>5</b>
<b>PIHAK YANG TERLIBAT DAN PERANANNYA</b>	<b>5</b>
<b>PENYEDIAAN KAJIAN IMPAK LATIHAN</b>	<b>6</b>
<b>PERTANYAAN</b>	<b>8</b>

## **TUJUAN**

1. Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kementerian, jabatan, agensi dan Institut Latihan Awam (ILA) berhubung dengan Penyediaan Kajian Impak Latihan.

## **LATAR BELAKANG**

2. Kajian Impak Latihan adalah satu aktiviti yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi dalam menilai keberkesanan sesebuah program latihan bagi menambah baik program latihan yang dianjurkan di samping meningkatkan kompetensi dan potensi peserta.

3. Pelaksanaan Kajian Impak Latihan kebiasaannya menggunakan borang soal selidik yang mengandungi beberapa set soalan yang memfokuskan aspek pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*), sikap (*attitude*), pengaplikasian apa yang dipelajari dan perubahan cara bekerja.

4. Pelbagai model boleh digunakan sebagai panduan untuk melaksanakan Kajian Impak Latihan. Salah satu daripadanya adalah Model Empat (4) Tahap Penilaian Latihan/Pembelajaran yang diperkenalkan oleh Donald L. Kirkpatrick dan James D. Kirkpatrick dalam tahun 2006 iaitu:

a. Tahap 1 – Reaksi (*Reaction*): Melihat bagaimana pandangan peserta terhadap latihan;

b. Tahap 2 – Pembelajaran (*Learning*): Menilai apa yang dipelajari daripada pengalaman pembelajaran;

- c. Tahap 3 – Tingkah Laku (*Behaviour*): Menilai sama ada peserta mengaplikasikan apa yang dipelajari di tempat kerja; dan
  - d. Tahap 4 – Keputusan (*Results*): Menilai kesan latihan yang membawa kepada perubahan cara bekerja.
5. Dalam konteks ini, bagi Tahap 1 dan Tahap 2, proses penilaian akan dilaksanakan sejurus setelah program latihan/pembelajaran tamat atau berakhir. Kaedah penilaian yang digunakan adalah penilaian formatif dan penilaian sumatif seperti rubrik, ujian bertulis, latihan amali dan sebagainya. Manakala bagi Tahap 3 dan Tahap 4, penilaian adalah merujuk kepada Kajian Impak Latihan yang memfokuskan kepada impak pelaksanaan program latihan/pembelajaran ke atas perubahan sikap dan cara bekerja peserta selepas menghadiri program latihan tersebut.
6. Sebelum Kajian Impak Latihan dilaksanakan, beberapa komponen kajian wajar diberi perhatian. Antaranya adalah pewujudan jawatankuasa, kaedah kajian, jenis soalan, pengenalpastian responden, data analisis, tempoh pelaksanaan dan hasil kajian.
7. Tertakluk kepada model dan tahap penilaian yang dihasratkan, Kajian Impak Latihan boleh dilaksanakan selepas satu tempoh tertentu pembelajaran. Sebagai contoh, untuk menilai Tahap 3 dan Tahap 4, Kajian Impak Latihan boleh dilaksanakan selepas tiga (3) hingga enam (6) bulan peserta selesai menghadiri sesuatu program latihan/pembelajaran atau berdasarkan kepada keperluan jabatan/agensi.

## **OBJEKTIF PENYEDIAAN KAJIAN IMPAK LATIHAN**

8. Objektif penyediaan Kajian Impak Latihan adalah seperti yang berikut:

- a. Menilai keberkesanan latihan dalam aspek pengetahuan, kemahiran, sikap, pengaplikasian apa yang dipelajari dan perubahan cara bekerja peserta; dan
- b. Memastikan perancangan, pelaksanaan dan penilaian latihan mengikut standard kualiti latihan yang ditetapkan oleh jabatan/agensi.

## **PIHAK YANG TERLIBAT DAN PERANANNYA**

9. Penyediaan Kajian Impak Latihan akan melibatkan beberapa pihak seperti yang berikut:

- a. Peserta Kursus : Bertindak sebagai responden dan menjawab soalan kajian berdasarkan pengalaman sepanjang latihan dan perubahan yang dialami selepas menghadiri latihan.
- b. Penyelia Peserta Latihan : Bertindak sebagai responden dan menjawab soalan kajian berdasarkan perubahan sikap dan cara kerja ke atas peserta latihan selepas menghadiri latihan.

- c. Penyelaras Program : Bertindak sebagai urus setia dalam mengurus semua aspek berkaitan Kajian Impak Latihan sebelum, semasa dan selepas kajian dilaksanakan.
- d. Pegawai Penyelidikan : Menganalisis maklum balas yang diperolehi dan mengemukakan hasil dapatan kajian kepada Penyelaras Program Latihan untuk tindakan lanjut.

## **PENYEDIAAN KAJIAN IMPAK LATIHAN**

10. Kajian Impak Latihan akan dilaksanakan mengikut tiga fasa iaitu:

- a. Fasa Pertama: Perancangan Reka Bentuk Kajian;
- b. Fasa Kedua: Pengumpulan Data; dan
- c. Fasa Ketiga: Analisis dan Penyediaan Laporan.

### **11. Fasa Pertama: Perancangan Reka Bentuk Kajian**

Menerusi fasa ini, penyelaras program akan membangunkan Borang Kajian Impak (BKI) di mana skop kandungan dan penyediaan soalan BKI adalah bergantung kepada keperluan kajian yang sebenar. Reka bentuk soalan perlulah meliputi aspek pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*) dan sikap (*attitude*). Tempoh masa untuk menyediakan BKI adalah bergantung kepada kementerian, jabatan, agensi dan ILA. Kaedah yang akan digunakan adalah berdasarkan keperluan latihan sama ada menggunakan kaedah kuantitatif atau kualitatif atau kedua-dua kaedah (*mixed methods*) di dalam kajian tersebut.

## **12. Fasa Kedua: Pengumpulan Data**

Penyelaras Program latihan akan mengenal pasti responden dan mengemukakan BKI kepada responden untuk dijawab. Terdapat dua (2) BKI yang perlu disediakan iaitu BKI Peserta dan BKI Penyelia. Tempoh masa untuk melengkapkan BKI adalah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja. Penyelaras Program akan memantau dan memberikan peringatan mesra kepada responden bagi memastikan maklum balas dapat dikumpulkan untuk dianalisis. BKI boleh dilaksanakan menerusi dua (2) kaedah iaitu menggunakan borang (*hardcopy*) atau kajian dalam talian (*online survey*). Bagi memudahkan urusan kajian dan selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi, *online survey* adalah pilihan utama. Selain dapat menjimatkan kos penghantaran dan mengurangkan penggunaan kertas, *online survey* dapat menyediakan hasil dapatan kajian dengan lebih cepat dan berkesan. Selain daripada pendekatan *survey*, kementerian, jabatan, agensi dan ILA boleh juga melaksanakan kajian dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu duga, kumpulan fokus dan dokumen-dokumen sokongan berhubung dengan latihan.

## **13. Fasa Ketiga: Analisis dan Penyediaan Laporan**

BKI yang telah dikumpulkan akan dianalisis oleh Pegawai Penyelidikan. Laporan dapatan kajian akan dikemukakan kepada pegawai penyelaras program untuk dibentangkan kepada pihak Jawatankuasa Latihan atau Pengurusan Atasan bagi tujuan penambahbaikan dan lain-lain tindakan yang bersesuaian.

## **PERTANYAAN**

14. Sebarang pertanyaan berhubung dengan panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Kluster  
Kluster Penyelidikan Pembangunan dan Dasar  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
Kampus Utama, Bukit Kiara, Jalan Bukit Kiara  
50480 Kuala Lumpur  
Malaysia.  
Tel: 603–2084 7895  
Faks: 603–2092 1512  
E-mel: [jasmine@intanbk.intan.my](mailto:jasmine@intanbk.intan.my)

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
15 Jun 2022